



3 Mei 2012
3 May 2012
P.U. (A) 125

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN
KELANG (SKALA KADAR, DIUS DAN CAJ) 2012

*PORT KELANG AUTHORITY (SCALE OF RATES, DUES AND
CHARGES) BY-LAWS 2012*



DISIARKAN OLEH/*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA LEMBAGA PELABUHAN 1963

UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN KELANG
(SKALA KADAR, DIUS DAN CAJ) 2012

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Undang-undang kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II
CAJ AKAUN KAPAL

3. Jenis caj
4. Dius pelabuhan
5. Caj marin disatukan
6. Caj perkhidmatan permaliman
7. Caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan perkhidmatan permaliman
8. Caj penahanan malim
9. Caj perkhidmatan bot tunda
10. Caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan perkhidmatan bot tunda
11. Caj penahanan bot tunda
12. Caj dermaga
13. Caj pemunggahan kargo
14. Caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan perkhidmatan pemunggahan kargo, dsb.

15. Caj pengendalian dermaga bagi pindah kapal kargo am
16. Caj pengendalian dermaga bagi pindah kapal pukal cecair
17. Caj pengendalian dermaga bagi pindah kapal ro-ro
18. Caj penumpang dan bagasi
19. Dius simpan tunggu

BAHAGIAN III

CAJ AKAUN PEKAPAL ATAU PENERIMA KONSAIN

20. Jenis caj
21. Caj pengendalian dermaga am
22. Caj pengendalian dermaga muatan berat
23. Caj perkhidmatan mengangkat
24. Caj penyimpanan
25. Pengecualian caj penyimpanan
26. Caj lebih tempoh

BAHAGIAN IV

CAJ AKAUN KAPAL, PENERIMA KONSAIN ATAU PEKAPAL

27. Jenis caj
28. Caj pengendalian bagi kontena
29. Caj pengendalian bagi kontena DLU
30. Caj pengendalian bagi muatan berat atau kargo tidak berkontena
31. Caj pengalihan dan penempatan semula bagi kontena
32. Caj membuka dan menutup penutup petak
33. Caj pergerakan tambahan bagi kontena
34. Caj perkhidmatan kontena sejuk
35. Caj penyimpanan bagi kontena
36. Pengecualian caj penyimpanan bagi kontena
37. Caj lebih tempoh bagi kontena

BAHAGIAN V
PELBAGAI

38. Penentuan berat
39. Asas caj
40. Pengiraan ukuran dan berat
41. Pembayaran caj
42. Caj terkurang
43. Had masa dan syarat bagi bayaran balik caj berlebihan
44. Tanggungan bagi caj
45. Permohonan bagi kerja atas kapal
46. Bekalan tenaga buruh
47. Pelupusan barang tidak dituntut
48. Pengeluaran semula dokumen
49. Syarat-syarat am
50. Caj persisir depan
51. Pembatalan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

AKTA LEMBAGA PELABUHAN 1963

UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN KELANG
(SKALA KADAR, DIUS DAN CAJ) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16 dan 29 Akta Lembaga Pelabuhan 1963 [*Akta 488*], Lembaga Pelabuhan Kelang, dengan kelulusan Menteri, membuat undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Kelang (Skala Kadar, Dius dan Caj) 2012**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2012.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“barang berbahaya” ertinya barangberbahaya sama ada dalam bentuk bungkusan, berkontena atau diangkut secara pukal, dan termasuk barang yang diklasifikasikan oleh Lembaga ke dalam kumpulan yang dinyatakan dalam Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Kelang 1965 [*L.N. 127/1965*] dan menepati Kod BBMA dan penyiaran PMA lain yang berkaitan yang dipinda dari semasa ke semasa dan diguna pakai oleh Lembaga;

“bungkusan” termasuklah apa-apa kotak, bakul, tong, bekas, peti, guni, beg, pembalut, sampul atau penutup atau benda lain yang dalamnya apa-apa kargo ditempatkan bagi maksud untuk dibawa, dikonsain, diangkut, diimport atau dieksport;

“daerah permaliman” ertinya suatu kawasan yang diisytiharkan oleh Lembaga di bawah seksyen 29A Akta Lembaga Pelabuhan 1963;

“dermaga” termasuklah mana-mana dinding dan bangunan yang bersambung dengan persisir depan, dasar laut atau dasar sungai;

“dermaga Lembaga” ertinya dermaga yang dimiliki, dikawal atau dikendalikan oleh Lembaga;

“ditinggalkan kapal” berhubung dengan suatu kargo atau kontena, ertinya tidak dibawa dalam pelayaran kapal yang diniatkan bagi kargo atau kontena itu;

“hari” berhubung dengan suatu transaksi, ertinya tempoh selama dua puluh empat jam dari masa permulaan transaksi itu;

“kapal dagang asing” ertinya kapal selain kapal dagang dalam negeri;

“kapal dagang dalam negeri” ertinya mana-mana kapal yang didaftarkan di Malaysia yang terlibat dalam perdagangan dalam negeri sahaja;

“kargo” hendaklah termasuk ternakan, galian, barang-barang dan dagangan dari apa jua perihalan sama ada dalam kontena atau selainnya, dan bagasi dan barang penumpang;

“kargo pindah kapal” ertinya mana-mana barang yang diimport yang dikonsain melalui bil muatan terus dari suatu tempat di luar Pelabuhan ke suatu tempat yang lain di luar Pelabuhan—

(a) yang dipunggah atau yang akan dipunggah dari kapal yang barang itu diimport; dan

(b) sama ada dikembalikan ke kapal yang sama atau dipindahkan ke kapal yang akan membawanya sebelum dieksport,

sama ada barang itu dipindahkan atau akan dipindahkan secara terus antara kapal tersebut atau sama ada barang itu didaratkan di Pelabuhan selepas pengimportan dan penyimpanannya, menunggu untuk dieksport;

“kargo yang dipaletkan” ertinya kargo dalam bungkusan atau unit kecil yang telah dibalut, diikat, atau dibalut dan diikat bersama dan ditempatkan di atas satu palet;

“kargo yang diunitkan” ertinya kargo dalam bungkusan atau unit kecil yang telah dibalut, diikat, atau dibalut dan diikat bersama sebagai satu unit;

“KMK” ertinya Kontena Muatan Kurang yang diisytiharkan oleh syarikat perkapalan atau ejennya dalam manifes, senarai pemunggahan kontena, senarai muatan atau penyata terdahulu eksport yang dikemukakan kepada Lembaga sebelum pemunggahan atau pemuatan kargo ke atas kapal;

“KMP” ertinya Kontena Muatan Penuh yang diisytiharkan oleh syarikat perkapalan atau ejennya dalam manifes, senarai pemunggahan kontena, senarai muatan atau penyata terdahulu eksport yang dikemukakan kepada Lembaga sebelum pemunggahan atau pemuatan kargo ke atas kapal;

“Kod BBMA” ertinya Kod Barang Berbahaya Maritim Antarabangsa yang disiarkan oleh PMA yang dipinda dari semasa ke semasa;

“kontena DLU” ertinya kontena bersaiz standard ISO yang di luar ukuran kerana membawa apa-apa kargo yang bersaiz melebihi dimensi kontena itu;

“kumpulan” ertinya suatu komposisi tenaga kerja yang terdiri daripada sebilangan pekerja;

“Lembaga” ertinya Lembaga Pelabuhan Kelang;

“Operator Berlesen” ertinya operator pelabuhan yang dilesenkan di bawah seksyen 9 Akta Pelabuhan (Penswastaan) 1990 [*Akta 422*];

“palet” ertinya suatu peranti yang baginya suatu kuantiti kargo boleh dihipunkan untuk dijadikan satu unit muatan bagi maksud penghantaran kargo itu atau pengendalian dan penyusunan kargo itu dengan bantuan perkakas mekanikal;

“pegawai pelabuhan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [*Ord. 70/1952*];

“Pelabuhan” ertinya Pelabuhan Klang di dalam had kawasan yang diisytiharkan di bawah seksyen 6 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952;

“Pengurus Besar” ertinya Pengurus Besar Lembaga;

“Pengurus Trafik” ertinya mana-mana pegawai yang dilantik oleh Lembaga atau Operator Berlesen untuk menyelia atau menjaga operasi terminal, pembantunya dan mana-mana pegawai yang bertindak di bawah atau dengan kuasanya;

“Pihak Berkuasa Zon Bebas” ertinya Lembaga Pelabuhan Kelang yang dilantik di bawah subseksyen 3(2) Akta Zon Bebas 1990 [*Akta 438*];

“PK” ertinya panjang keseluruhan sesuatu kapal yang diukur dari titik paling hadapan kapal itu ke titik paling belakang kapal itu;

“PMA” ertinya Pertubuhan Maritim Antarabangsa;

“premis pelabuhan” termasuklah mana-mana tempat yang dimiliki atau diduduki oleh Lembaga dan diuntukkan olehnya bagi pendaratan dan pengapalan apa-apa kargo, termasuk mana-mana bahagian tebing sungai yang dimiliki atau diduduki sedemikian yang telah diperbaiki untuk memudahkan pendaratan dan pengapalan itu dan mana-mana persisir depan yang dimiliki atau diduduki sedemikian dan digunakan bagi maksud sedemikian;

“SBK” ertinya Stesen Barangan Kontena di dalam premis pelabuhan;

“simpan tunggu” berhubung dengan suatu kapal, ertinya tidak digunakan secara aktif dengan syarat bahawa nakhoda atau pemilik kapal itu telah memberikan notis bertulis kepada Lembaga dan pegawai pelabuhan bahawa kapal itu adalah dalam keadaan sedemikian, dan Lembaga dan pegawai pelabuhan itu telah memberikan kelulusan bertulis mereka;

“syif” ertinya tiga waktu bekerja yang berulang-ulang dalam satu hari yang ditentukan oleh Operator Berlesen;

“tan” ertinya satu tan metrik merangkumi satu ribu kilogram atau satu meter padu;

“Tarikh Rasmi Pemungghahan” ertinya tarikh yang sesuatu kapal menyelesaikan pemungghahannya;

“Tempat Berlabuh” ertinya mana-mana tempat berlabuh yang diluluskan oleh Lembaga;

“TK” ertinya tanan kasar sesuatu kapal yang diukur mengikut Konvesyen Antarabangsa Pengiraan Tanan Kapal 1969;

“transaksi” termasuklah semua perkhidmatan yang diberikan, dibekalkan atau disediakan oleh Lembaga atau penggunaan kemudahan Lembaga oleh pengguna pelabuhan.

BAHAGIAN II CAJ AKAUN KAPAL

Jenis caj

3. Lembaga boleh mengenakan jenis caj yang berikut ke atas pengguna pelabuhan dan caj itu hendaklah dikreditkan ke dalam akaun kapal:

(a) dius pelabuhan;

- (b) caj marin disatukan;
- (c) caj perkhidmatan permaliman;
- (d) caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan perkhidmatan permaliman;
- (e) caj penahanan malim;
- (f) caj perkhidmatan bot tunda;
- (g) caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan perkhidmatan bot tunda;
- (h) caj penahanan bot tunda;
- (i) caj dermaga;
- (j) caj pemunggahan kargo;
- (k) caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan perkhidmatan pemunggahan kargo, dsb.;
- (l) caj pengendalian dermaga bagi pindah kapal kargo am;
- (m) caj pengendalian dermaga bagi pindah kapal pukal cecair;
- (n) caj pengendalian dermaga bagi pindah kapal ro-ro;
- (o) caj penumpang dan bagasi; dan
- (p) dius simpan tunggu.

Dius pelabuhan

4. (1) Seseorang pengguna pelabuhan, berhubung dengan kapal yang memasuki Pelabuhan, hendaklah membayar dius pelabuhan kepada Lembaga seperti yang berikut:

- (a) dalam hal sesuatu kapal—
 - (i) yang memuatkan atau memunggah kargo atau mengambil atau menurunkan penumpang; atau

- (ii) yang singgah di Pelabuhan bagi apa-apa maksud lain selain perenggan (b),

pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual A Bahagian 1 Jadual Pertama; dan

- (b) dalam hal sesuatu kapal yang singgah di Pelabuhan bagi mendapatkan bekalan minyak, mengambil bekalan air, mengambil bekalan kapal atau memperbaiki kerosakan—

- (i) bagi tempoh kurang daripada dua ratus empat puluh jam, pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual B Bahagian 1 Jadual Pertama; dan

- (ii) bagi tempoh lebih daripada dua ratus empat puluh jam, pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual A Bahagian 1 Jadual Pertama.

(2) Walau apa pun perenggan (1), semua kapal kepunyaan Kerajaan Malaysia dan kapal yang singgah di Pelabuhan bagi maksud kecemasan dikecualikan daripada membayar dius pelabuhan.

Caj marin disatukan

5. (1) Seseorang pengguna pelabuhan, berhubung dengan kapal yang tiba di dan berlepas dari Pelabuhan, hendaklah membayar caj marin disatukan kepada Lembaga bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang berikut:

- (a) perkhidmatan permaliman dari tempat naik malim ke dermaga;
- (b) perkhidmatan permaliman dari dermaga ke tempat naik malim; dan

- (c) perkhidmatan bot tunda semasa menghimpit dan meninggalkan himpitan.

(2) Caj marin disatukan dalam perenggan (1) hendaklah berdasarkan kepada PK kapal bagi setiap persinggahan termasuk kapal perang pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Jadual Pertama.

Caj perkhidmatan permaliman

6. (1) Seseorang pengguna pelabuhan, yang meminta perkhidmatan permaliman selain perkhidmatan permaliman yang diberikan di bawah subperenggan 5(1)(a) dan (b) bagi pergerakan di dalam daerah permaliman, hendaklah membayar caj perkhidmatan permaliman kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual A Bahagian 3 Jadual Pertama.

(2) Seseorang pengguna pelabuhan, yang meminta perkhidmatan permaliman bagi kapal yang mempunyai kerosakan pendorongan atau ciri-ciri luar biasa yang lain, hendaklah membayar caj perkhidmatan permaliman kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual B Bahagian 3 Jadual Pertama.

Caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan perkhidmatan permaliman

7. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membuat permintaan, perubahan atau pembatalan bagi perkhidmatan permaliman kepada Lembaga—

(a) tidak kurang daripada dua jam sebelum ketibaan kapal; atau

(b) tidak kurang daripada satu jam sebelum perlepasan atau penganjakan kapal di dalam daerah permaliman.

(2) Jika permintaan, perubahan atau pembatalan perkhidmatan permaliman dibuat kurang dari tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (1), pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 4 Jadual Pertama.

Caj penahanan malim

8. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penahanan malim kepada Lembaga jika—

- (a) malim menunggu di tempat naik malim bagi ketibaan sesuatu kapal;
- (b) malim menunggu di dermaga bagi penganjakan atau perlepasan sesuatu kapal; atau
- (c) malim menunggu di atas sesuatu kapal di tempat berlabuh bagi ketibaan, penganjakan atau perlepasan kapal.

(2) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penahanan malim bagi setiap setengah jam atau sebahagian daripadanya yang dikira dari masa perkhidmatan itu diminta pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 5 Jadual Pertama.

Caj perkhidmatan bot tunda

9. (1) Seseorang pengguna pelabuhan, yang meminta perkhidmatan bot tunda selain perkhidmatan bot tunda yang diperuntukkan di bawah subperenggan 5(1)(c) bagi membantu, menganjak, menghimpit dan meninggalkan himpitan di dalam daerah permaliman, hendaklah membayar caj perkhidmatan bot tunda kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual A Bahagian 6 Jadual Pertama.

(2) Seseorang pengguna pelabuhan, yang meminta perkhidmatan bot tunda bagi kapal yang mempunyai kerosakan pendorongan atau ciri-ciri luar biasa yang lain, hendaklah membayar caj perkhidmatan bot tunda kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual B Bahagian 6 Jadual Pertama.

(3) Seseorang pengguna pelabuhan, yang meminta perkhidmatan pengiring bot tunda bagi kapal yang mempunyai kerosakan pendorongan atau ciri-ciri luar biasa

yang lain, hendaklah membayar caj perkhidmatan pengiring bot tunda kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual C Bahagian 6 Jadual Pertama.

Caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan perkhidmatan bot tunda

10. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membuat permintaan, perubahan atau pembatalan bagi perkhidmatan bot tunda kepada Lembaga tidak kurang daripada satu jam sebelum masa perkhidmatan itu dikehendaki.

(2) Jika permintaan, perubahan atau pembatalan perkhidmatan bot tunda itu dibuat kurang dari tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (1), pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 7 Jadual Pertama.

Caj penahanan bot tunda

11. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penahanan bot tunda kepada Lembaga bagi penahanan bot tunda disebabkan oleh kelewatan ketibaan atau perlepasan kapal yang dikira dari masa perkhidmatan itu diminta pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 8 Jadual Pertama.

(2) Kelewatan ketibaan atau perlepasan kapal di bawah perenggan (1) hendaklah disebabkan oleh—

(a) kargo, pemiliknya atau ejennya;

(b) kapal, pemiliknya atau ejennya; atau

(c) apa-apa sebab lain di luar kawalan Lembaga atau Operator Berlesen.

Caj dermaga

12. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj dermaga kepada Lembaga seperti yang berikut:

- (a) dalam hal kapal kargo yang memuatkan atau memunggah di dermaga Lembaga atau Tempat Berlabuh, pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual A Bahagian 9 Jadual Pertama;
- (b) dalam hal kapal penumpang yang berhimpit di dermaga Lembaga, pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual B Bahagian 9 Jadual Pertama; dan
- (c) dalam hal kapal perang asing yang berhimpit di dermaga Lembaga, pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual C Bahagian 9 Jadual Pertama.

(2) Jika caj dermaga di bawah subperenggan (1)(a) atau (b) kurang daripada satu ratus ringgit, caj dermaga minimum hendaklah terpakai pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual D Bahagian 9 Jadual Pertama.

(3) Suatu kapal kargo atau kapal penumpang yang melebihi satu ribu TK yang menduduki dermaga bagi suatu tempoh tidak melebihi lapan jam atau enam jam hendaklah diberikan pengurangan sebanyak dua puluh lima peratus dan tiga puluh tiga satu per tiga peratus masing-masingnya atas caj dermaga minimum yang disebut dalam perenggan (2).

(4) Seseorang pengguna pelabuhan, yang singgah lebih tempoh di dermaga dan tidak mematuhi suatu notis secara bertulis oleh Pengurus Trafik untuk meninggalkan dermaga, hendaklah membayar caj dermaga kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual E Bahagian 9 Jadual Pertama.

Caj pemunggahan kargo

13. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pemunggahan kargo kepada Lembaga berhubung dengan apa-apa import, eksport atau pindah kapal kargo am atau ro-ro seperti yang berikut:

- (a) dalam hal pemungghah kargo yang memuatkan atau memungghah kargo ke dalam atau dari kapal, pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual A Bahagian 10 Jadual Pertama;
- (b) dalam hal pemungghah kargo yang terlibat bagi operasi yang berikut, pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual B Bahagian 10 Jadual Pertama:
 - (i) mengalihkan kargo ke atas kapal; atau
 - (ii) mendaratkan kargo di dermaga dan kemudiannya mengapalkan semula ke dalam kapal yang sama; dan
- (c) jika pemungghah kargo tambahan diperlukan, pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual C Bahagian 10 Jadual Pertama.

Caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan perkhidmatan pemungghahan kargo, dsb.

14. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membuat permintaan, perubahan atau pembatalan bagi perkhidmatan pemungghahan kargo kepada Lembaga tidak kurang daripada empat jam sebelum bermulanya tiap-tiap syif.

(2) Jika permintaan, perubahan atau pembatalan perkhidmatan pemungghahan kargo itu dibuat kurang dari tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (1), pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual A Bahagian 11 Jadual Pertama.

(3) Walau apa pun perenggan (2), caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan boleh diketepikan atas permohonan oleh pengguna pelabuhan kepada Pengurus Trafik yang hendaklah mencadangkan penepian itu atau selainnya kepada Pengurus Besar yang keputusannya adalah muktamad.

(4) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pemunggaan kargo kepada Lembaga bagi pemungga kargo yang ditempah tetapi tidak bekerja, melainkan disebabkan oleh hujan atau perkara yang timbul daripada kesalahan Operator Berlesen pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual B Bahagian 11 Jadual Pertama.

Caj pengendalian dermaga bagi pindah kapal kargo am

15. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian dermaga bagi pindah kapal kargo am kepada Lembaga berhubung dengan konsainan yang—

- (a) dipungga dari kapal ke dermaga Lembaga dan berada dalam jagaan Operator Berlesen;
- (b) bertanda pelabuhan bagi pelabuhan destinasi yang konsainan itu akan dihantar;
- (c) bertanda pelabuhan dalam manifes terus yang diberikan kepada Operator Berlesen; dan
- (d) dikapalkan oleh Operator Berlesen ke dalam kapal yang akan membawanya,

pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 12 Jadual Pertama.

Caj pengendalian dermaga bagi pindah kapal pukal cecair

16. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian dermaga bagi pindah kapal pukal cecair kepada Lembaga berhubung dengan konsainan yang—

- (a) dipungga dari kapal di dermaga Lembaga melalui saluran paip ke dalam tangki pemasangan persendirian dan berada dalam jagaan operator pemasangan persendirian;

- (b) bertanda pelabuhan dalam manifes terus yang diberikan kepada Operator Berlesen; dan
- (c) dikapalkan oleh operator pemasangan persendirian ke dalam kapal yang akan membawanya,

pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 13 Jadual Pertama.

Caj pengendalian dermaga bagi pindah kapal ro-ro

17. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian dermaga bagi pindah kapal ro-ro kepada Lembaga berhubung dengan konsainan yang—

- (a) dipunggah dari kapal ke dermaga Lembaga dan berada dalam jagaan Operator Berlesen;
- (b) bertanda pelabuhan bagi pelabuhan destinasi yang konsainan itu akan dihantar;
- (c) bertanda pelabuhan dalam manifes terus yang diberikan kepada Operator Berlesen; dan
- (d) dikapalkan oleh Operator Berlesen ke dalam kapal yang akan membawanya,

pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 14 Jadual Pertama.

Caj penumpang dan bagasi

18. Seseorang penumpang, termasuk penumpang dalam transit, hendaklah membayar caj penumpang dan bagasi kepada Lembaga bagi pengambilan atau penurunan sesuatu kapal di dermaga Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 15 Jadual Pertama.

Dius simpan tunggu

19. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar dius simpan tunggu kepada Lembaga bagi kapal yang simpan tunggu di Tempat Berlabuh pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 16 Jadual Pertama.

BAHAGIAN III

CAJ AKAUN PEKAPAL ATAU PENERIMA KONSAIN

Jenis caj

20. Lembaga boleh mengenakan jenis caj yang berikut ke atas pengguna pelabuhan dan caj itu hendaklah dikreditkan ke dalam akaun pekapal atau penerima konsain:

- (a) caj pengendalian dermaga am;
- (b) caj pengendalian dermaga muatan berat;
- (c) caj perkhidmatan mengangkat;
- (d) caj penyimpanan; dan
- (e) caj lebih tempoh.

Caj pengendalian dermaga am

21. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian dermaga am kepada Lembaga bagi—

- (a) penerimaan atau penghantaran kargo pecah pukal secara terus di dermaga Lembaga;
- (b) pemindahan kargo pecah pukal dari dermaga Lembaga ke gudang atau tempat simpanan terbuka untuk penyimpanan dan penghantaran kepada penerima konsain;
- (c) penerimaan kargo pecah pukal daripada pekapal ke dalam gudang atau tempat simpanan terbuka untuk penyimpanan dan pemindahan kargo itu ke dermaga Lembaga untuk dimuatkan ke dalam kapal;

- (d) pemuatan kargo ke dalam atau pemunggahan dari kapal yang ditambat di sisi kapal yang lain yang berhimpit di dermaga Lembaga atau kapal di Tempat Berlabuh;
- (e) pengendalian kargo pukal cecair melalui saluran paip pengguna pelabuhan termasuk penggunaan kren bagi pengendalian saluran paip itu;
- (f) pengendalian kargo ro-ro, dalam hal—
 - (i) kargo import, pemindahan kargo import itu dari dermaga Lembaga ke tempat simpanan terbuka bagi penyimpanan dan penghantaran kepada penerima konsain; atau
 - (ii) kargo eksport, penerimaan kargo eksport itu daripada pekapal ke dalam tempat simpanan terbuka bagi penyimpanan dan pemindahan kargo itu ke dermaga Lembaga untuk dimuatkan ke dalam kapal; atau
- (g) penerimaan atau penghantaran kargo pukal kering secara terus di dermaga Lembaga,

pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Kedua.

Caj pengendalian dermaga muatan berat

22. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian dermaga muatan berat kepada Lembaga berhubung dengan apa-apa bungkusan atau barang yang timbangannya lebih daripada satu tan bagi—

- (a) penerimaan atau penghantaran secara terus di dermaga Lembaga;
- (b) pemindahan dari dermaga Lembaga ke gudang atau tempat simpanan terbuka bagi penyimpanan dan penghantaran kepada penerima konsain; atau

- (c) penerimaan di gudang atau tempat simpanan terbuka untuk penyimpanan dan pemindahan ke dermaga Lembaga untuk dimuatkan ke dalam kapal,

pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Jadual Kedua.

(2) Walau apa pun perenggan (1), pengguna pelabuhan hendaklah dikecualikan daripada membayar caj pengendalian dermaga muatan berat bagi apa-apa bungkusan atau barang yang timbangannya tidak lebih daripada tiga tan berat muatan yang boleh dikendalikan dengan operasi foklif sama ada melalui palet atau skid, sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus Trafik, berkenaan dengan kargo import dan kargo eksport.

(3) Jika pengguna pelabuhan dikecualikan daripada membayar caj pengendalian dermaga muatan berat di bawah perenggan (2), pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian dermaga am pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 1, 2, 3 atau 4 Bahagian 1 Jadual Kedua.

Caj perkhidmatan mengangkat

23. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj perkhidmatan mengangkat kepada Lembaga bagi muatan berat tunggal atau kargo yang tidak dipaletkan dalam gudang atau tempat simpanan terbuka pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 3 Jadual Kedua.

(2) Walau apa pun perenggan (1), pengguna pelabuhan hendaklah dikecualikan daripada membayar caj perkhidmatan mengangkat bagi apa-apa bungkusan atau barang yang timbangannya tidak lebih daripada tiga tan berat muatan yang boleh dikendalikan dengan operasi foklif sama ada melalui palet atau skid, sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus Trafik.

Caj penyimpanan

24. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penyimpanan kepada Lembaga bagi menyimpan—

- (a) kargo import di dalam gudang atau tempat simpanan terbuka pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual A Bahagian 4 Jadual Kedua;
- (b) kargo eksport atau ditinggalkan kapal di dalam gudang atau tempat simpanan terbuka pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual B Bahagian 4 Jadual Kedua;
- (c) kargo pindah kapal atau terlebih punggah di dalam gudang atau tempat simpanan terbuka pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual C Bahagian 4 Jadual Kedua;
- (d) barang berbahaya Kumpulan II dan III import yang dibenarkan di dalam gudang atau tempat simpanan terbuka pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual D Bahagian 4 Jadual Kedua;
- (e) barang berbahaya Kumpulan II dan III eksport yang dibenarkan di dalam gudang atau tempat simpanan terbuka pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual E Bahagian 4 Jadual Kedua;
- (f) kargo rosak di dalam gudang atau tempat simpanan terbuka bermula dari masa penerimaan kargo itu pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual A, B, C, D atau E Bahagian 4 Jadual Kedua;
- (g) kargo ro-ro import dan pindah kapal di tempat simpanan terbuka pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual F Bahagian 4 Jadual Kedua; atau
- (h) kargo ro-ro eksport di tempat simpanan terbuka pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual G Bahagian 4 Jadual Kedua.

(2) Kargo import yang disebut dalam subperenggan (1)(a) berhak mendapat suatu tempoh penyimpanan percuma selama tiga hari bermula dari Tarikh Rasmi Pemungghahan kapal, dan caj penyimpanan hendaklah dikira selepas habis tempoh penyimpanan percuma itu sehingga kargo itu diambil oleh penerima konsain.

(3) Kargo eksport atau ditinggalkan kapal yang disebut dalam subperenggan (1)(b) berhak mendapat suatu tempoh penyimpanan percuma selama tujuh hari bermula dari berakhirnya syif yang dalam tempohnya kargo itu diterima ke dalam gudang atau tempat simpanan terbuka, dan caj penyimpanan hendaklah dikira selepas habis tempoh penyimpanan percuma itu sehingga masa sebenar penghimpitan kapal yang di atasnya kargo itu akan dimuatkan.

(4) Kargo pindah kapal atau terlebih punggah yang disebut dalam subperenggan (1)(c) berhak mendapat suatu tempoh penyimpanan percuma selama dua puluh lapan hari bermula dari Tarikh Rasmi Pemungghahan kapal pertama, dan caj penyimpanan hendaklah dikira selepas habis tempoh penyimpanan percuma itu sehingga masa sebenar penghimpitan kapal kedua yang di atasnya kargo itu akan dimuatkan.

(5) Barang berbahaya import yang disebut dalam subperenggan (1)(d) tidak berhak mendapat apa-apa tempoh penyimpanan percuma.

(6) Barang berbahaya eksport yang disebut dalam subperenggan (1)(e) berhak mendapat suatu tempoh penyimpanan percuma selama tiga hari bermula dari berakhirnya syif yang dalam tempohnya kargo itu diterima ke dalam gudang, dan caj penyimpanan hendaklah dikira selepas habis tempoh penyimpanan percuma itu sehingga masa sebenar penghimpitan kapal yang di atasnya kargo itu akan dimuatkan.

(7) Kargo ro-ro import yang disebut dalam subperenggan (1)(g) berhak mendapat suatu tempoh penyimpanan percuma selama tiga hari bermula dari Tarikh Rasmi Pemungghahan kapal dan jika kargo ro-ro itu diambil oleh penerima konsain

selepas tempoh penyimpanan percuma itu, caj penyimpanan hendaklah dikira dari Tarikh Rasmi Pemunggahan.

(8) Kargo ro-ro eksport yang disebut dalam subperenggan (1)(h) berhak mendapat suatu tempoh penyimpanan percuma selama tujuh hari bermula dari berakhirnya syif yang dalam tempohnya kargo ro-ro itu diterima dalam tempat simpanan terbuka, dan caj penyimpanan hendaklah dikira selepas habis tempoh penyimpanan percuma itu sehingga masa penghimpitan kapal yang di atasnya kargo ro-ro itu akan dimuatkan.

(9) Kargo ro-ro pindah kapal yang disebut dalam subperenggan (1)(g) berhak mendapat suatu tempoh penyimpanan percuma selama dua puluh lapan hari bermula dari Tarikh Rasmi Pemunggahan kapal pertama.

(10) Walau apa pun perenggan (9), kargo ro-ro pindah kapal yang tidak dipindahkan kapal dalam tempoh penyimpanan percuma itu hendaklah dikira sebagai kargo ro-ro import, dan caj penyimpanan hendaklah dikira semula dari Tarikh Rasmi Pemunggahan kapal pertama sehingga masa sebenar penghimpitan kapal yang akan membawa kargo itu pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual F Bahagian 4 Jadual Kedua.

(11) Kargo ditinggalkan kapal yang tidak dikapalkan kapal tetapi kemudiannya dipindahkan dari pelabuhan oleh pengguna pelabuhan tidak berhak mendapat apa-apa tempoh penyimpanan percuma.

(12) Lembaga boleh memindahkan mana-mana kargo yang ditinggalkan tanpa kebenaran Lembaga pada bila-bila masa dan pemilik kargo hendaklah menanggung kos pemindahan itu.

Pengecualian caj penyimpanan

25. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah dikecualikan daripada membayar caj penyimpanan kepada Lembaga dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) apabila mana-mana kargo ditahan oleh polis, kastam atau agensi penguat kuasa yang lain atau di bawah perintah mahkamah, tempoh pengecualian hendaklah dikira dari tarikh penahanan atau tarikh arahan penghantaran difailkan, mengikut mana-mana yang terkemudian, sehingga tarikh pelepasan penahanan itu dengan syarat bahawa suatu akuan yang dibuat oleh pengguna pelabuhan berhubung dengan kargo itu hendaklah mematuhi kehendak yang ditentukan oleh polis, kastam atau agensi penguat kuasa yang lain;
- (b) apabila mana-mana kargo tidak dapat dikesan pada masa serahan dipohon berkenaan dengan suatu catatan "TIDAK DIJUMPAI" yang dibuat pada dokumen itu, tempoh pengecualian hendaklah dikira dari hari yang berikutnya yang tarikh catatan "TIDAK DIJUMPAI" itu dibuat sehingga tarikh kargo itu dikesan;
- (c) apabila mana-mana kargo ditunjukkan sebagai terkurang punggah dalam laporan akhir kapal itu tetapi kemudiannya kargo itu dikesan, tempoh pengecualian itu hendaklah dikira dari tarikh kargo itu ditunjukkan sebagai terkurang punggah sehingga tarikh kargo itu dikesan;
- (d) apabila mana-mana pelepasan kargo tertangguh disebabkan oleh kesilapan serahan, tempoh pengecualian hendaklah dikira dari tarikh yang berikutnya yang tarikh catatan "TIDAK DIJUMPAI" itu dibuat sehingga tarikh kargo itu dikesan; dan
- (e) apabila mana-mana kargo yang pada pendapat Pengurus Besar dicadangkan bagi maksud amal dengan syarat suatu pengecualian daripada duti kastam oleh pengimport diperolehi.

Caj lebih tempoh

26. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj lebih tempoh kepada Lembaga bagi mana-mana kargo import yang disimpan di dalam gudang yang tidak

dipindahkan dalam tempoh tiga hari selepas Tarikh Rasmi Pemungghahan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 5 Jadual Kedua.

BAHAGIAN IV

CAJ AKAUN KAPAL, PENERIMA KONSAIN ATAU PEKAPAL

Jenis caj

27. Lembaga boleh mengenakan jenis caj yang berikut ke atas pengguna pelabuhan dan caj itu hendaklah dikreditkan ke dalam akaun kapal, penerima konsain atau pekapal:

- (a) caj pengendalian bagi kontena;
- (b) caj pengendalian bagi kontena DLU;
- (c) caj pengendalian bagi muatan berat atau kargo tidak berkontena;
- (d) caj pengalihan atau penempatan semula bagi kontena;
- (e) caj membuka dan menutup penutup petak;
- (f) caj pergerakan tambahan bagi kontena;
- (g) caj perkhidmatan kontena sejuk;
- (h) caj penyimpanan bagi kontena; dan
- (i) caj lebih tempoh bagi kontena.

Caj pengendalian bagi kontena

28. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian bagi kontena kepada Lembaga bagi pengendalian kontena dengan menggunakan kren Pelabuhan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Ketiga.

(2) Caj pengendalian bagi kontena di bawah perenggan (1) adalah bagi maksud yang berikut:

- (a) dalam hal pengendalian kontena KMP import yang mengandungi barang tidak berbahaya atau kontena kosong bagi—
 - (i) memungghah kontena itu dari kapal;

- (ii) memindahkan kontena itu dari suatu dermaga ke suatu tempat simpanan kontena untuk disusun;
 - (iii) menaikkan kontena itu ke atas suatu treler syarikat pengangkutan atau wagon keretapi untuk dihantar; dan
 - (iv) memindahkan kontena kosong dari kapal ke tempat simpanan kontena untuk penyimpanan dan kemudiannya dipindahkan ke SBK;
- (b) dalam hal pengendalian kontena KMP eksport yang mengandungi barang tidak berbahaya atau kontena kosong bagi—
- (i) mengangkat kontena itu dari suatu treler syarikat pengangkutan atau wagon keretapi;
 - (ii) menyusun kontena itu di suatu tempat simpanan kontena;
 - (iii) memindahkan kontena itu ke suatu dermaga; dan
 - (iii) memuatkan kontena itu ke dalam suatu kapal;
- (c) dalam hal pengendalian kontena KMP import yang mengandungi barang berbahaya Kumpulan I, II dan III bagi—
- (i) memunggah kontena itu dari kapal;
 - (ii) memindahkan kontena itu dari dermaga ke suatu tempat simpanan kontena untuk disusun, jika penyimpanan di dalam Pelabuhan dibenarkan;

- (iii) menaikkan kontena itu ke suatu treler syarikat pengangkutan untuk penghantaran; dan
 - (iv) menaikkan kontena itu ke suatu treler syarikat pengangkutan untuk penghantaran terus, jika penyimpanan di dalam Pelabuhan tidak dibenarkan;
- (d) dalam hal pengendalian kontena KMP eksport yang mengandungi barang berbahaya Kumpulan I, II dan III bagi—
- (i) mengangkat kontena itu dari suatu treler syarikat pengangkutan;
 - (ii) menyusun kontena itu di suatu tempat simpanan kontena, jika penyimpanan di dalam Pelabuhan dibenarkan;
 - (iii) memindahkan kontena itu ke suatu dermaga;
 - (iv) memuatkan kontena itu ke dalam kapal; dan
 - (v) memuatkan kontena itu secara terus dari suatu treler syarikat pengangkutan ke dalam kapal, jika penyimpanan di dalam Pelabuhan tidak dibenarkan;
- (e) dalam hal pengendalian kontena KMK import yang mengandungi barang tidak berbahaya bagi—
- (i) memunggah kontena itu dari kapal;
 - (ii) memindahkan kontena itu dari suatu dermaga ke suatu tempat simpanan kontena untuk disusun;

- (iii) menaikkan kontena itu ke atas suatu treler untuk penghantaran ke SBK;
 - (iv) perkhidmatan angkut letak di SBK;
 - (v) mengeluarkan isi kontena itu, menyimpan dan menghantar kargo itu kepada pengguna pelabuhan; dan
 - (vi) mengembalikan kontena kosong itu ke tempat simpanan kontena;
- (f) dalam hal pengendalian kontena KMK eksport yang mengandungi barang tidak berbahaya bagi—
- (i) menerima kargo pecah pual itu dan menyimpan di SBK;
 - (ii) memindahkan kontena kosong itu dari tempat simpanan kontena ke SBK;
 - (iii) mengisi kargo itu ke dalam kontena;
 - (iv) memindahkan kontena itu ke suatu tempat simpanan kontena;
 - (v) menyusun kontena itu di suatu tempat simpanan kontena; dan
 - (vi) memindahkan kontena itu ke suatu dermaga untuk dimuatkan ke dalam kapal;
- (g) dalam hal pengendalian kontena KMP atau kontena kosong pindah kapal masuk bagi—

- (i) memunggah kontena pindah kapal itu dari kapal pertama; dan
 - (ii) memindahkan kontena pindah kapal itu dari suatu dermaga ke suatu tempat simpanan kontena; dan
- (h) dalam hal pengendalian kontena KMP atau kontena kosong pindah kapal keluar bagi—
- (i) memindahkan kontena pindah kapal itu dari suatu tempat simpanan kontena ke dermaga; dan
 - (ii) memuatkan kontena pindah kapal itu ke dalam kapal yang akan membawanya.

(3) Kontena pindah kapal yang dinyatakan di bawah subperenggan 2(g) dan (h) hendaklah dipindahkan kapal—

- (a) dalam hal kontena KMP, dalam masa tiga ratus tiga puluh enam jam; atau
- (b) dalam hal kontena barang berbahaya KMP, dalam masa satu ratus enam puluh lapan jam,

dari masa penghimpitan kapal pertama sehingga masa penghimpitan kapal yang akan membawanya.

(4) Jika kontena pindah kapal itu tidak dikapalkan dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (3), kontena pindah kapal itu hendaklah tertakluk kepada caj kontena import yang hendaklah dikira semula dari masa penghimpitan kapal pertama pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 1 dan 2 Bahagian 1 Jadual Ketiga.

Caj pengendalian bagi kontena DLU

29. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian bagi kontena DLU kepada Lembaga bagi pengendalian kontena DLU dengan menggunakan kren Pelabuhan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Jadual Ketiga.

(2) Caj pengendalian bagi kontena DLU hendaklah termasuk mengangkat kontena itu ke atas atau memunggah keluar dari kapal dan pengguna pelabuhan hendaklah menguruskan sendiri casis atau kenderaan punggah rendah untuk menghantar atau menerima kontena itu di dermaga.

(3) Jika peralatan tambahan diperlukan bagi pengendalian kontena DLU, pembekalan peralatan itu hendaklah dicajkan secara berasingan kepada pengguna pelabuhan.

(4) Jika kontena DLU—

(a) hendak diserahkan kepada pengguna pelabuhan; atau

(b) hendak dikapalkan dalam bentuk KMP,

atau dikehendaki dikeluarkan atau diisi, pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian bagi KMP atau KMK pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 1, 2 dan 3 Bahagian 1 Jadual Ketiga sebagai tambahan kepada apa-apa caj yang kena dibayar dalam perenggan (1) dan (3).

Caj pengendalian bagi muatan berat atau kargo tidak berkontena

30. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian bagi muatan berat atau kargo tidak berkontena kepada Lembaga bagi pengendalian muatan berat atau kargo tidak berkontena dengan menggunakan kren Pelabuhan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 3 Jadual Ketiga.

(2) Caj pengendalian bagi muatan berat atau kargo tidak berkontena hendaklah termasuk mengangkat muatan berat atau kargo tidak berkontena itu ke atas atau memunggah keluar dari kapal dan pengguna pelabuhan hendaklah menguruskan sendiri casis atau kenderaan punggah rendah untuk menghantar atau menerima muatan berat atau kargo tidak berkontena itu di dermaga.

(3) Jika peralatan tambahan diperlukan bagi pengendalian muatan berat atau kargo tidak berkontena, pembekalan peralatan itu hendaklah dicajkan secara berasingan kepada pengguna pelabuhan.

(4) Jika pengguna pelabuhan tidak boleh mengambil penghantaran terus di dermaga, pengguna pelabuhan hendaklah memindahkan atau menyebabkan supaya dikeluarkan kargo itu dari premis pelabuhan dan pengguna pelabuhan hendaklah menanggung kos pemindahan itu.

Caj pengalihan dan penempatan semula bagi kontena

31. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengalihan dan penempatan semula bagi kontena di atas kapal kepada Lembaga dengan menggunakan kren Pelabuhan bagi maksud yang berikut:

- (a) bagi mengalihkan kontena dari satu sel ke sel yang lain di dalam ruang atau petak yang sama suatu kapal pada kadar yang dinyatakan dalam perenggan (a) butiran 1 Bahagian 4 Jadual Ketiga;
- (b) bagi mengalihkan kontena dari satu ruang atau petak dan dikapalkan semula ke ruang atau petak bersebelahan kapal yang sama pada kadar yang dinyatakan dalam perenggan (b) butiran 1 Bahagian 4 Jadual Ketiga; dan
- (c) bagi mendaratkan kontena di dermaga dan menempatkan semula kontena yang sama itu ke dalam ruang atau petak yang sama, atau ke dalam ruang atau petak yang lain kapal yang sama pada kadar yang dinyatakan dalam perenggan (c) butiran 1 Bahagian 4 Jadual Ketiga.

Caj membuka dan menutup penutup petak

32. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj membuka dan menutup penutup petak kepada Lembaga bagi membuka dan menutup penutup petak di atas kapal dengan menggunakan kren Pelabuhan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 5 Jadual Ketiga.

Caj pergerakan tambahan bagi kontena

33. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pergerakan tambahan bagi kontena kepada Lembaga bagi pengendalian kontena di dalam tempat simpanan kontena pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 6 Jadual Ketiga.

Caj perkhidmatan kontena sejuk

34. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj perkhidmatan kontena sejuk kepada Lembaga bagi perkhidmatan kontena sejuk yang disediakan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 7 Jadual Ketiga.

Caj penyimpanan bagi kontena

35. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penyimpanan bagi kontena kepada Lembaga bagi menyimpan—

- (a) kontena KMP atau KMK import pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual A Bahagian 8 Jadual Ketiga;
- (b) kontena KMP atau KMK eksport pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual B Bahagian 8 Jadual Ketiga;
- (c) kontena kosong import pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual C Bahagian 8 Jadual Ketiga;
- (d) kontena kosong eksport dan kontena kosong KMP atau KMK dikeluarkan isi pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual D Bahagian 8 Jadual Ketiga;

- (e) kontena KMP atau KMK import dari mana-mana pelabuhan di Malaysia pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual E Bahagian 8 Jadual Ketiga;
- (f) kontena KMP atau KMK eksport ke mana-mana pelabuhan di Malaysia pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual F Bahagian 8 Jadual Ketiga;
- (g) kontena kosong import dari mana-mana pelabuhan di Malaysia pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual G Bahagian 8 Jadual Ketiga;
- (h) kontena kosong eksport ke mana-mana pelabuhan di Malaysia pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual H Bahagian 8 Jadual Ketiga;
- (i) kontena barang berbahaya KMP atau KMK import pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual I Bahagian 8 Jadual Ketiga;
- (j) kontena barang berbahaya KMP atau KMK eksport pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual J Bahagian 8 Jadual Ketiga;
- (k) treler casis dengan atau tanpa kontena yang disimpan di dalam tempat simpanan kontena atau mana-mana kawasan lain di dalam premis pelabuhan pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual K Bahagian 8 Jadual Ketiga;
